

Kerjasama Jakim, 3 universiti laksana penyelidikan 5 bidang

PUTRAJAYA: Jabatan Ke-majuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama tiga universiti awam melaksanakan penyelidikan dalam lima bidang dikenal pasti memerlukan kajian terperinci sebelum menentukan hukum untuk panduan umat Islam.

Projek rintis bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) itu dilakukan melalui dana khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) yang berjumlah RM1 juta.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, kajian dengan Usim membabitkan tiga bidang iaitu isu bin dan binti anak tidak sah taraf; isu pengurusan pengagihan zakat, kedudukan bukan Muslim sebagai penerima dan garis panduan pemini-

dahan dana; serta isu tahap keterlibatan, kepercayaan serta amalan masyarakat Islam terhadap perkara khurafat dan cadangan penyelesaiannya di Pulau Besar, Melaka.

Selain itu katanya, penyelidikan mengenai kuantifikasi dan stabiliti DNA babi diekstrak daripada daging campuran dan produk di-proses menggunakan kaedah kimia iaitu ‘tindak balas rantaian polimeres masa sebenar taqman’ dilakukan bersama UPM serta kajian pengurusan zakat asnaf riqab dan gharimin; satu analisis kontemporari dengan UTM.

“Banyak lagi isu dikenal pasti bagi penyelidikan menggunakan dana khas di-peruntukkan itu dari semasa ke semasa mengikut keutamaan. Semua isu dibuat penyelidikan itu diteliti, dipertimbang dan diputuskan satu jawatankuasa,” kata-nya.